

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
(SELAYANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11.03.2015**

**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan alasan-alasan untuk harga diesel yang lebih tinggi daripada RON 95 dan mekanisme penetapan harga RON 97, RON 95 dan diesel.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Harga jualan runcit diesel dan RON95 bagi tiga bulan kebelakangan ini tidak menunjukkan perbezaan yang besar seperti berikut:

Tarikh	RON95 (sen/liter)	Diesel (sen/liter)
01.12.2014	226	223

01.01.2015	191	193
01.02.2015	170	170

Pada hakikatnya, tiga hingga lima tahun kebelakangan ini, harga diesel sememangnya lebih tinggi berbanding RON95. Trend ini didorong oleh permintaan dan penawaran produk tersebut di pasaran.

Untuk makluman, harga RON97, RON95 dan diesel di Malaysia pada masa ini ditentukan oleh kaedah managed float berasaskan Automatic Price Mechanism (APM). Melalui kaedah ini, harga runcit ditetapkan oleh Kerajaan berdasarkan komponen-komponen tertentu dalam APM seperti kos produk (MOPS, Alpha dan kadar pertukaran mata wang), kos operasi (pengangkutan, pengedaran dan pemasaran), margin syarikat minyak dan komisen pengusaha stesen minyak. Selain komponen di atas, APM juga mengandungi komponen cukai jualan dan subsidi yang mana perbezaan antara harga runcit dengan harga pasaran sebenar akan ditampung melalui cukai jualan atau subsidi.